



SYARAT-SYARAT MENYAMPAIKAN PENGAJARAN UGAMA / CERAMAH UGAMA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Mana-mana orang / Pemegang Tauliah yang diberikan kebenaran oleh Majlis Ugama Islam Brunei bagi menjalankan pengajaran Al-Quran / ugama / berceramah / seminar / motivasi berbentuk keugamaan hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:

1. Tidak mengajar dan menyebarkan apa-apa ajaran yang bertentangan dengan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah, termasuk tidak mempertikaikan amalan-amalan yang lazim terpakai di Negara ini;
 - Menghadihkan pahala bacaan Al-Fatihah atau bacaan Al-Qur'an kepada orang yang telah meninggal dunia;
 - Berdoa dan membaca Al-Qur'an di kubur;
 - Membaca doa awal dan akhir tahun Hijrah;
 - Membaca tiga kali surah Yassin pada malam Nisfu Sya'ban;
 - Membaca surah Yaasin pada malam Jumaat;
 - Sambutan memperingati Awal Tahun Hijrah;
 - Sambutan Israk dan Mikraj'; Sambutan Nuzul Al-Qur'an;
 - Berdoa beramai-ramai selepas sembahyang berjemaah;
 - Bersalaman selepas sembahyang berjemaah;
 - Membaca wirid dan zikir secara jahr iaitu kuat atau nyaring beramai-ramai selepas sembahyang;
 - Membaca basmalah dalam bacaan Al-Fatihah secara jahr iaitu kuat atau nyaring dalam sembahyang fardhu;
 - Menyebut lafaz niat sembahyang dalam bahasa Arab sebelum takbiratul ihram;
 - Membaca qunut dalam sembahyang fardhu Subuh;
 - Sembahyang sunat sebelum sembahyang fardhu Maghrib;
 - Sembahyang sunat qabliyyah sebelum sembahyang fardhu Jumaat Sembahyang sunat hajat secara berjemaah;
 - Sembahyang sunat Tarawih dua puluh rakaat;
 - Membaca salawat secara jahr iaitu kuat atau nyaring di antara sembahyang sunat Tarawih;
 - Sembahyang qadha bagi orang yang meninggalkan sembahyang fardhu dengan sengaja atau tidak;
 - Menyapu muka setelah memberi salam selepas sembahyang;
 - Membaca talqin semasa acara pengebumian;
 - Amalan bertawassul dan bertabarruk;
 - Mengangkat jari telunjuk tanpa menggerakkannya ketika tahiyah;
 - Meletakkan tangan sewaktu qiyam di bawah dada semasa sembahyang.
2. Tidak menyentuh apa-apa perkara yang berhubungan dengan kedaulatan dan hak mutlak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
3. Tidak menghina perkara khilafiah yang terdapat dalam empat mazhab yang muktabar dan yang tidak selaras dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah;



مجلس ائمة اسلام
نكابة البروناي دارالسلام
MAJLIS UGAMA ISLAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SYARAT-SYARAT MENYAMPAIKAN PENGAJARAN UGAMA / CERAMAH UGAMA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

4. Tidak menyentuh isu-isu politik;
5. Tidak menyentuh hal-hal peribadi mana-mana individu;
6. Tidak menghina dan mempertikai mana-mana agensi dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia;
7. Hendaklah mematuhi apa-apa undang-undang, peraturan atau panduan yang telah ditetapkan;
8. Jangan menimbulkan perselisihan pendapat atau mempertikaikan penceramah lain di hadapan umum sehingga menimbulkan kekeliruan dan perpecahan di kalangan orang ramai;
9. Jangan menimbulkan dan membangkitkan semangat perkauman atau mempersoalkan serta mempertikaikan mana-mana pemimpin yang boleh menggugat kestabilan dan keharmonian Negara;
10. Jangan menjadikan medan ceramah / pengajaran ugama sebagai ruang untuk mempengaruhi masyarakat ke arah fahaman yang ekstrem tentang Islam seperti menyalahkan tafsiran jihad yang salah yang boleh mencemarkan imej Islam;
11. Jangan menghina atau memetik ajaran kitab-kitab agama lain, yang mana boleh menimbulkan kemarahan;
12. Dalam menyampaikan dakwah hendaklah dibuat secara berhikmah iaitu antaranya memberikan apa jua nasihat, teguran atau perbandingan dengan cara yang baik;

Mana-mana orang / Pemegang Tauliah yang diberikan kebenaran oleh Majlis Ugama Islam Brunei didapati melanggar mana-mana syarat di atas, undang-undang atau peraturan yang berkuatkuasa di Negara ini boleh diambil tindakan undang-undang dan Surat Tauliah / Surat Kebenaran akan ditarik balik atau dibatalkan.

Disediakan oleh:
Jabatan Majlis Ugama Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.